



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA

LAPORAN LIPUTAN MEDIA

SABTU, 4 JUN 2022	
1.	Bekalan ayam di Johor dijangka pulih 2 minggu lagi
2.	Syarikat mengaku salah tipu saiz gred telur ayam
3.	Bekalan ayam pulih 2 minggu lagi
4.	Kos buat reban ayam dulu Rm 1.6juta, kini sudah cecah Rm 2juta
5.	Cockfight over chicken prices

DISEDIAKAN OLEH:

**SEKSYEN KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR MALAYSIA**

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.06.2022	BERITA HARIAN	NASIONAL	6

Bekalan ayam di Johor dijangka pulih 2 minggu lagi

Batu Pahat: Bekalan ayam segar di negeri ini dijangka pulih sepenuhnya dalam tempoh dua minggu.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Lee Ting Han, berkata sehingga kini, bekalan di Johor mencukupi termasuk disebabkan permintaan terhadap ayam menurun selepas musim perayaan.

Beliau juga menjelaskan, pemantauan harga kawalan bagi hasil ternakan itu masih diteruskan sehingga 30 Jun ini.

"Permintaan terhadap ayam

menurun selepas musim perayaan, ditambah keputusan kerajaan yang mengenakan sekatan eksport ayam segar ke luar negara. Ia juga selaras dengan usaha kerajaan yang memberi subsidi," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke ladang telur di Yong Peng, di sini, semalam yang turut dihadiri Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon.

Ting Han memaklumkan, kerajaan negeri dalam peranca-

ngan merangka mekanisme baharu bagi membantu peladang dan rakyat secara keseluruhannya.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Johor mengeluarkan RM101,300 kompaun membabitkan 42 kes sejak skim kawalan harga maksimum ayam dikuatkuasakan pada Februari lalu," katanya.

Dalam perkembangan sama, beliau berkata, bekalan telur di negeri ini turut mencukupi dan meminta orang awam tidak melakukan pembelian panik.



Ting Han (kanan) mengadakan lawatan di ladang telur di Yong Peng, Batu Pahat, semalam. (Foto: Nurul Amalina Nuhary/BH)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.06.2022	SINAR HARIAN	MAHKAMAH&JENAYAH	15

Syarikat mengaku salah tipu saiz gred telur ayam

Telur ayam dilabelkan gred B tapi sebenarnya gred D

MELAKA

Tindakan sebuah ladang yang memalsukan saiz gred telur pada tahun lalu, didenda RM15,000 oleh Mahkamah Sesyen di sini, pada Jumaat.

Hakim Nariman Badruddin menjatuhkan hukuman itu terhadap Syarikat Ladang Ternakan Prudence Sdn. Bhd. yang diwakili pengarah syarikat itu yang membuat pengakuan bersalah selepas pertuduhan

dibacakan.

Mengikut fakta kes, kesalahan itu dikesan selepas sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Melaka membuat serbuan di sebuah pasar raya dan mengesyaki telur ayam dilabelkan dengan gred B tetapi sebenarnya adalah gred D.

Pemeriksaan uji timbang dilakukan dan bacaan timbangan telur tersebut adalah antara 0.60 sehingga 0.65 gram di mana berat itu tidak mencukupi untuk dilabelkan dengan gred B.

Siasatan lanjut mendapati kesemua bekalan telur itu diperolehi dari Ladang Ternakan Prudence Sdn. Bhd.

Berdasarkan pertuduhan, syarikat terbabit didapati telah



Wakil syarikat ketika keluar dari Mahkamah Sesyen Melaka pada Jumaat.

membekalkan 50 unit LTP Corn Egg Gred B 30'S yang menggunakan suatu perihal dagangan palsu berkaitan saiz telur ayam gred B yang tidak mengikut Malaysian Standard MS680:2013.

Perbuatan itu dilakukan pada di sebuah pasar raya di Malim pada 22 Oktober 2021.

Mahkamah turut menetapkan hukuman atau penjara tiga bulan jika gagal menjelaskan bayaran. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.06.2022	HARIAN METRO	LOKAL	3

Bekalan ayam pulih 2 minggu lagi

Batu Pahat: Bekalan ayam segar di negeri ini dijangka pulih semula dalam tempoh dua minggu lagi.

Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Hal Ehwal Pengguna negeri, Lee Ting Han, berkata sehingga kini, bekalan di Johor mencukupi selain pemantauan terhadap harga kawalan masih diteruskan sehingga 30 Jun ini.

Menurutnya, selain permintaan terhadap ayam menurun selepas musim perayaan, kerajaan turut mengenakan sekatan eksport ayam segar ke luar negara.

"Ia selaras dengan usaha kerajaan yang memberi subsidi, selain mengenakan sekatan daripada segi eksport ke luar negara.

"Kerajaan negeri dalam perancangan membuat me-

kanisme baharu bagi membantu peladang dan rakyat secara keseluruhannya.

"Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPD-NHEP) Johor mengeluarkan sebanyak RM101,300 kompaun membabitkan 42 kes, sejak skim kawalan harga maksimum ayam dikuatkuasakan pada Februari lalu," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mengadakan lawatan ke ladang telur di Yong Peng di sini, semalam. Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan negeri, Ling Tian Soon.

Dalam perkembangan sama, Ting Han berkata, bekalan telur negeri turut mencukupi dan meminta orang awam tidak melakukan pembelian panik.



HARGA ayam segar di Johor Bahru meningkat kepada RM62 sekilogram berikutan peningkatan kos pengangkutan bahan mentah berkenaan.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.06.2022	HARIAN METRO	LOKAL	8

Kuala Lumpur: Kerajaan di-harap dapat mengapungkan harga ayam yang kini di-tetapkan pada RM8.90 se-kilogram, susulan penama-tan subsidi 60 sen setiap kilogram kepada penternak sejak 5 Feb lepas.

Pengarah Ayam Bismi Empire Sdn Bhd (Ayam Bismil) Mazlina Kamaruddin berkata, penamatan subsidi itu sudah dijangka kerana menurut pengumuman asal Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (Mafi), subsidi tersebut diberikan hanya sehingga bulan ini.

"Kita pun sebagai penter-nak tak akanlah nak berharap kerajaan memberi subsidi sepanjang perniagaan kita.

"Cumanya saya berharap apabila subsidi tidak lagi di-berikan, harga ayam dapat diapungkan, dengan tamat-nya subsidi, tamatlah juga harga kawalan," katanya ke-tika dihubungi Bernama.

Beliau berkata, sekiranya langkah untuk menamatkan



KENAikan harga bahan menjadikan kos pembinaan reban ayam semakin tinggi.

Kos buat reban ayam dulu RM1.6 juta, kini sudah cecah RM2 juta

subsidi itu disertakan dengan pengapungan harga ayam, konsep permintaan dan penawaran akan menentukan harga ayam dari semasa ke semasa.

Beliau turut bersetuju de-

ngan tindakan kerajaan un-tuk menyalurkan subsidi tersebut secara langsung ke-pada rakyat yang lebih me-merlukan dengan harapan bantuan tersebut akan kemb-ali kepada penternak dalam

bentuk pembelian ayam.

Ditanya mengenai laporan media bahawa terdapat da-lam kalangan penternak yang tidak menuntut baya-ran subsidi, Mazlina berkata ia satu kenyataan yang ku-

rang tepat.

"Dengan keadaan penter-nak yang jual di bawah kos RM8.90 harga runcit dan harga ayam hidup RM6.05, juga harga bawah kos, jadi semestinya penternak akan

menuntut dan membuat permohonan subsidi itu.

"Rakan-rakan kami di se-luruh Malaysia, apabila di-tanya, semua membuat tun-tutan subsidi cumanya tun-tutan itu dihantar kepada pejabat daerah seterusnya ke pejabat negeri sebelum di-hantar ke Putrajaya, jadi di-mana missing link itu, kami tidak tahu," katanya.

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS) Idrus Zainal Abidin berkata, kenaikan harga bahan me-jadikan kos pembinaan re-ban ayam semakin tinggi.

"Dua tahun dulu saya buat reban saya untuk kapai 80,000 ekor ayam hanya RM1.6 juta sahaja, kalau be-ngkok (kenaikan) harga beni sudah jadi RM2 juta seka-rang.

Katanya, hampir mustahil untuknya membina lagi re-ban kerana banyak ayam dan cukai yang dikenakan ke atas penternak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
04.06.2022	THE STAR	VIEWS	14

Cockfight over chicken prices

Singaporeans are upset over the export ban, but Malaysia has a bigger fight on its hands in keeping chicken prices under control.

FOOD fights between Malaysia and Singapore used to be about who made the better nasi lemak, char koay teow and even chendol. Not anymore. Now, it's over chicken rice. And it's not even about who does it better. It's about whether the dish is even available.

The people on the other side of the Causeway are in a flap because Malaysia has slapped a ban on the export of live chicken to the republic, and now many top hawkers are closing shops.

They could use frozen chicken imported from elsewhere, but that would never be as good as having freshly slaughtered chicken.

Unhappy, the Singaporeans are already in talks with Thailand to ensure they continue to get fresh supply, with or without Malaysia.

This may not be good for our poultry business when the supply resumes.

Malaysians, however, do not need Singaporeans to engage in food fights. We can do it ourselves. It was there for all to see at a Hari Raya do at Darul Hana a week ago.

It was a total mess as those who gathered there almost fell over each other to get their hands on the fried chicken being handed out.

It was like chicken was going out of fashion, in a sense, it is.

The farmers, the wholesalers, the

DORAIRAJ NADASON
newsdesk
@thestar.com.my



Why not?

retailers – the whole chain is in trouble, no thanks to climate change and the war in Ukraine.

Corn and soy, the staple diet of broiler chicken – birds that are bred to be eaten – are becoming harder to obtain.

The United States, Brazil and Ukraine are the three major countries that export corn and soy, and with Ukraine out of the equation, the other two are struggling to fill the void.

And we all know what they say about supply and demand. Chicken feed is really no chicken feed any longer. It's costing an arm and a leg, and a wing or two as well these days.

Only this week, the price of chicken feed rose by RM3 a bag, says a neighbour who is in the poultry industry.

Surprisingly, the chicken prob-

lems also boil down to the perennial foreign worker shortage.

Farms complain that they have no workers to care for the chicks. The chicks have to be carefully bred for the first 15 days before they are moved out of the brooder area.

The brooder area then has to be cleaned and prepared all over again before a fresh set of newly-hatched chicks are brought in.

Due to lack of workers, this process, which used to be done every 15 days or so, is being delayed, taking far longer, says the neighbour.

Worse, farms that may work with 100,000 chicks per cycle are also reducing the number by a quarter due to manpower needs.

Transport firms and processing centres, where the birds are slaugh-tered, cleaned and sent out, are also complaining of worker shortages.

With the process being delayed all along the production line, it is no wonder that there is a shortage of chicken, he says.

Rules on the slaughtering process are not helping either. Since 2006, the policy has been to ban slaughtering at wet markets.

Local councils have ordered that slaughtering be done only at select-

wet markets.

All these costs, which escalate from the RM6.50 a kilo or so at the farm, are passed on to customers. The RM8.90 ceiling price just does not seem feasible.

Now that the government subsidy has been withdrawn from the breed-ers, it's going to hurt more.

And we have no idea if the re-di-rected RM720mil subsidy will actual-ly reach the targeted poor.

Only last year, there was an out-cry in Penang when the state decid-ed that all slaughtering had to be done at six approved slaughterhous-es on the mainland while all sellers had to get their supply from a cen-tralised storage and distribution point on the island.

They also had to have chillers at their stalls in the wet market, lead-ing to some just giving up on the business.

"Slaughtering at the market can help us bring down costs by about 50 sen a kilo or a ringgit for every bird," says the seller.

Fomca, meanwhile, has a differ-ent idea on bringing down costs. It says we should start a boycott and just stop eating chicken for a month or so. It's not likely to help, but I like that idea.

After all, chickens are fascinating animals. The birds, which sleep with one eye open, actually have dreams,

we are told.

Dreams? I would think they do nightmares. I mean, if you knew you were being fattened to be killed in 11 eaten after just nine weeks of your four-year lifespan, you would not be having sweet dreams, would you?

Chickens are intelligent. They can "talk", and even recognise 100 differ-ent faces.

They are actually descended from the dinosaurs and their closest rela-tives are, would you believe it, the T-Rex.

Think about it! They have been around since the dinosaurs, and we are eating them into extinction.

So what should people eat instead? The prices of fish, mutton and beef have all gone up too.

Going vegetarian may sound like a good – and even healthy – idea. Until you take a gander at the price of vegetables these days.

I think I will stick to chicken.

Maybe, we just need to listen to the PAS politicians and Perak Menteri Besar and start rearing chickens in our houses and planting vegetable even in condominiums.

Or just convert those tennis and badminton courts in condominiums into vegetable plots and chicken coops.

Who needs the courts, anyway? It's not like we are going to win the Thomas Cup anytime soon.